

Maklumat Semasa

Perpustakaan Universiti Malaya

Bil. 7

November

1994

MINGGU Q DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA


Minggu Q di Perpustakaan Universiti Malaya diraikan dalam 2 peringkat. Beberapa aktiviti dan program telah dirancang dan dijalankan sebelum dan sepanjang minggu itu (28hb Oktober - 5hb November 1994).

Pada peringkat pertama, dua bengkel telah dikelolakan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kepakaran kakitangan profesional. Bengkel pertama berkenaan pengukuran prestasi diadakan selama tiga hari (3 - 5hb Oktober 1994); manakala bengkel kedua berkenaan pengindeksan dan pengabstrakran diadakan selama 6 hari (24hb - 29hb Oktober 1994).

Konsep dan teknik pengukuran prestasi adalah penting dan sesuai bagi pengurusan berkesan kerana dengan



Para peserta sedang mendengar penerangan



En. Rishpal menerangkan sesuatu kepada peserta

pengukuran prestasi, pengurusan dapat:

- i. membuat keputusan yang berdasarkan maklumat / data;
- ii. membantu organisasi menentukan objektif dan prioriti dengan lebih berkesan;
- iii. memberi haluan dan fokus kepada tugas kakitangan di semua peringkat;
- iv. memberi penjelasan dan keterangan untuk tindakan yang tertentu.

Fasilitator "Workshop on Performance Measures" adalah Encik Rishpal Singh Sidhu dari Asian Partners in Training, State Library of New South Wales, Australia. Dalam 3 hari, konsep dan metodologi pengukuran

prestasi diperkenalkan dan dibincangkan. Pustakawan-pustakawan dari berbagai bahagian berkongsi mengeluarkan petunjuk prestasi (performance indicators) bagi bahagian mereka masing-masing. Latihan ini adalah sangat bermanfaat kerana dalam suasana perbincangan kolektif, pengetahuan dan pengalaman semua pustakawan boleh dikumpulkan dan digunakan demi kebaikan Perpustakaan.

Fasilitator bagi bengkel kedua, iaitu berkenaan pengindeksan dan pengabstrakan adalah Dr. B.K. Sen dari Indian National Scientific Documentation Centre (INSDOC), New Delhi, India. Sepanjang 6 hari itu, beliau mengajar beberapa konsep sains maklumat seperti 'bibliometrics', 'librametrics' dan 'informatics' dan kaitan konsep-konsep ini dengan penggunaan maklumat dan perpustakaan. Beliau juga menjelaskan beberapa hukum sains maklumat seperti 'Lotka's Law', 'Bradford Law' dan 'Zipf's Law'.

Kemahiran pembinaan tesaurus (thesaurus construction), pengindeksan dan pengabstrakan juga diajarkan, diikuti dengan latihan. Tujuan bengkel ini adalah untuk melengkapkan pustakawan dengan kemahiran yang membolehkan mereka menawarkan kepada pelanggan mereka 'value-added information' atau maklumat yang ditambah dengan abstrak atau anotasi.

Hasrat Perpustakaan membina sebuah pasukan



Dr. B. K. Sen (barisan dua duduk, nombor empat dari kiri) bergambar kenangan bersama peserta

pegawai profesional yang berkaliber, dan persediaan perkhidmatan maklumat yang cemerlang agar akan berjaya dengan penerapan kemahiran-kemahiran tersebut.

Peringkat kedua meliputi pertandingan antara semua kakitangan dan bahagian/perpustakaan. Aktiviti-aktiviti yang ditandingkan adalah seperti berikut:

1. Pertandingan bilik air/tandas yang paling bersih;
Pemenang: Pn. Satariah Shaari
2. Pertandingan susunan rak yang paling kemas;
Pemenang: Perpustakaan Undang-Undang
3. Pertandingan Bakat Kualiti 1994;
Pemenang:
(Perseorangan) :
En. Ahmad Shaharuddin
(Kumpulan):
Kumpulan Bidan Terjun
a) En. Varughese Thomas
b) En. Yunus A. Rahman
c) En. Baharuddin Aki
4. Pertandingan tempat kerja yang paling kemas;
Pemenang: Perpustakaan Undang-undang
5. Pertandingan kakitangan yang berpakaian paling kemas (untuk kakitangan kaunter sahaja);
Pemenang: En. Sakariah Otsman



Aksi menarik dari Kumpulan Bidan Terjun

6. Pertandingan kakitangan yang tidak mengambil cuti sakit/cuti kecemasan sepanjang tahun (Oktober 1993 - Oktober 1994)

Pemenang: En. Aziz Alis

Tayangan video yang bertajuk 'Universiti Malaya: Satu tradisi dalam kecemerlangan akademik' juga diadakan di Bilik Auditorium selama beberapa hari dan kakitangan dijemput menyaksikan tayangan mengikut giliran.


Upacara penutup diusahakan di peringkat Jabatan pada 5hb November 1994, mulai 12.00 tengahari. Dalam majlis ini, upacara penyampaian hadiah diadakan untuk kakitangan yang mendapat pergerakan gaji menegak bagi tahun 1993 dan pemenang-pemenang pertandingan-pertandingan jabatan.

Senarai kakitangan yang mendapat pergerakan gaji secara cemerlang bagi tahun 1993 adalah:

1. Pn. Loo Siew Peng
 2. En. Musa bin Dawi
 3. En. Tan Sok Wang
 4. En. Teh Kang Hai
 5. Cik Wong Guat Neoh
- Pembantu Tadbir Rendah
- Penyemak Perpustakaan
- Penjilid Buku
- Pustakawan
- Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)

Senarai kakitangan yang mendapat pergerakan gaji secara menegak bagi tahun 1993 adalah:

1. En. Anthony Vincent
 2. Pn. Chua Swee Cheng
 3. En. Muhammad Wahid Kusdi
 4. Cik Ng Sok Weng
 5. En. Rafik Yunos
 6. En. Ramachandran Retnam
 7. Pn. Rohaya Tumin
- Penyemak Perpustakaan
- Pembantu Tadbir Rendah
- Penyemak Perpustakaan
- Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)
- Pembantu Tadbir Rendah
- Penyemak Perpustakaan
- Pembantu Tadbir Rendah
- Penyemak Perpustakaan
- Pekerja Rendah Awam



Dr. Zaiton Osman menyampaikan cenderahati bagi pergerakan gaji secara menegak kepada Puan Rohaya Tumin

Ten Essential Attitude Shifts for Improving Service Quality

From

Leonard L. Berry and A. Parasuraman,
Marketing Services: Competing Through Quality.
New York: The Free Press, 1991

Being good
Quality of products
Management support
Functional isolationism
Quality is someone else's concern
Some employees have customers
Recovery as a problem
Errors are inevitable
Service is shapeless
Quality-improvement programs

To

To

Being excellent
Quality in everything
Management involvement
Team energy
Quality is my concern
All employees have customers
Recovery as an opportunity
Doing it right every time
Service-system design
Continuous improvement



BAKAT DAYA CIPTA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN

Pemenang-pemenang pertandingan bakat dalam acara perseorangan dan kumpulan telah mempersembahkan bakat masing-masing dengan lirik lagu/

sajak yang begitu asli. Lirik-lirik yang begitu 'original' dengan tema kualiti dikeluarkan semula di sini dengan kebenaran pencipta untuk pembacaan semua.

LAGU KUALITI

Oleh Baharuddin Aki

*Minggu Kualiti sungguh bermakna
Pejabat dihias di mana-mana
Wahai En. Yunus saya bertanya
Kualiti apa maknanya*

Oh Oh Kualiti

*Perkhidmatan cemerlang budaya kerja
Tingkatkan pengeluaran sepanjang masa
Kualiti bukan itu sahaja
Etika kerja di ambil kira*

Oh Oh Kualiti

*Bekerja jangan ikut perasaan
Ada masalah kita bincangkan
Apakah cara paling berkesan
Kualiti boleh kita tingkatkan*

Oh Oh Kualiti

*Jika kualiti hendak ditingkat
Bekerja sama semua peringkat
Tanpa mengira sebarang pangkat
Kerja di luar atau pejabat*

Oh Oh Kualiti

*Walaupun kerja ikut aturan
Gunakan juga akal fikiran
Wahai En. Yunus tolong terangkan
Apa kemajuan di Perpustakaan*

Oh ... Oh Kualiti

*Sistem komputer bawa perubahan
Cara mudah nak cari bahan
Kalau tak faham tengok panduan
CD-ROM pun disediakan*

Oh ... Oh ... Kualiti

*Maafkan kami tuan dan puhan
Salah silap kami lakukan
Kualiti sama kita teruskan
Bersatu menuju kecemerlangan*

Oh Oh Kualiti

SYAIR KUALITI

oleh Ahmad Shaharuddin

*Kualiti mesti dicapai
Biar kita selesaikan amanah ini
Dengan ruang kesabaran
Penuh mesra mendakap ketekunan
Inilah perjuangan*

*Kualiti mesti digenggam
Biar kita merelakan titis-titis peluh yang tumpah
Dengan senyuman terserlah
Inilah harapan*

*Kualiti mesti berdenyut
Keikhlasan perlu meliliti sanubari
Bercantum dengan seribu keinsafan
Di gerbang inilah punca rezeki anak isteri kita*

*Mari kita berazam, berusaha
kerjasama, jujur, amanah, setia
Berdoa, bersyukur untuk merangkum kualiti itu*

*Biarkan
Kualiti bergema ke rimba
Merenangi lautan luas
Mendaki puncak gunung
Menuruni lembah permai
Bertaburan di kesibukan kota*

*Kualiti di mana-mana
Inilah perjuangan
Pengharapan bangsa berjaya*



Dari Sudut Perpustakaan Perubatan

Penggunaan CD-ROM MEDLINE melalui modem

Berita baik untuk pengguna-pengguna Perpustakaan Perubatan! Kini anda boleh mengakses pangkalan data CD-ROM MEDLINE melalui modem pada masa-masa berikut:

Isnin - Jumaat	:	5.00 petang - 10.30 malam
Sabtu	:	12.30 tgh - 3.30 petang
Ahad	:	8.00 pagi - 3.30 petang

Perubahan ini adalah memandangkan penggunaan perkhidmatan semakin meningkat dan peluang bagi semua pengguna amat terhad semasa waktu pejabat.

Prosedur penggunaan adalah seperti berikut:

1. Setiap pengguna hendaklah membawa disket ke Perpustakaan bagi mendapatkan salinan program untuk membolehkan beliau mengakses secara 'remote'.
2. Setiap kali hanya 4 CD-ROM (terbaharu) sahaja yang boleh diakses.
3. Pengguna dibenarkan membuat 'log in' beberapa kali, tetapi maksima penggunaan tidak melebihi satu jam bagi setiap kali 'log in'.
4. Semua hasil pencarian maklumat (hits) akan disimpan dalam drive A. Fail-fail yang telah disimpan ini boleh disalinkan ke disket pengguna kesokan harinya. Pemindahan fail melalui modem tidak dapat dilakukan buat sementara waktu ini atas sebab-sebab keselamatan.

Perpustakaan Perubatan, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Klang

Pada **7hb November 1994** yang lalu, cawangan Perpustakaan Perubatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Klang telah dibuka untuk kemudahan pelajar dan pegawai perubatan di sana.

Waktu pembukaan bagi Perpustakaan itu adalah seperti berikut:

Isnin - Khamis	:	10.45 pg - 2.00 ptg
Jumaat	:	3.00 ptg - 7.00 mlm
	:	10.45 pg - 12.15 tgh
	:	2.45 ptg - 7.00 mlm
Sabtu	:	8.45 pg - 12.30 tgh
Ahad	:	Tutup

Sebanyak 420 buah buku baru dan 26 tajuk jurnal telah diproses dan dihantar bagi memenuhi koleksi perpustakaan. Buat sementara ini perkhidmatan pinjaman dibuat secara manual. Sistem pengkomputeran perpustakaan UNIMAL akan dilaksanakan apabila kerja-kerja pemasangan kabel selesai. Selain menempatkan koleksi, Dewan Bacaan juga disediakan untuk pengguna membuat rujukan di dalam perpustakaan.


Buat masa ini, pelajar perubatan tahun 3 telah dihantar ke sana untuk menjalani latihan klinikal memandangkan kepelbagaiannya penyakit yang terdapat di Hospital Universiti tidak mencukupi untuk tujuan latihan. Langkah ini juga membolehkan Pusat Perubatan Universiti Malaya di Hospital Universiti menumpukan latihan kepada siswazah lanjutan.

PAMERAN TOPIK SEMASA / PERSONALITI TEMPATAN

Dalam memperkembangkan kepelbagaiannya dalam perkhidmatan penyebaran maklumat, Perpustakaan Utama telah melancarkan satu program pameran kecil berkenaan topik semasa atau personaliti tempatan. Pada setiap dua minggu sekali, pengguna perpustakaan akan didedahkan dengan berita semasa yang sedang hangat diperkatakan atau pun personaliti terkenal yang banyak berjasa dalam bidang ilmu pengetahuan.

Buat setakat ini dua pameran telah disediakan, pertama berkenaan Allahyarham Tan Sri Dato' Mubin Sheppard (1905 - 1994) dan keduanya berkenaan Allahyarham Sultan Takdir Alisjahbana (1908 - 1994). Selepas dua minggu, maklumat yang dipamerkan seperti keratan akhbar, artikel dan senarai atau bibliografi yang telah disusun akan difaillkan. Pengguna yang ingin mengakses bahan-bahan tersebut selepas pameran bolehlah datang ke Pejabat Rujukan dan Maklumat untuk membuat rujukan.

ULASAN BUKU



The Best Jobs for the 1990s and Into the 21st Century

Ronald L. Krannich and Caryl Rae Krannich
Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 1994
HF5382 Kra

This book takes a critical look at the best jobs and careers for the decade ahead. Forecasting 29 major trends for jobs and careers, the authors examine changes in employment rates, the role of government in simulating job growth, opportunities for older workers, women and immigrants, part-time and temporary employment, education and training requirements, industrial changes, regional population and economic shifts, career advancement outlook, hiring practices, job-hopping, relocation issues, salary expectations, and more.

Teachers on Trial: Values, Standards, and Equity in Judging Conduct and Competence

James A. Gross
New York: Cornell University, 1988
LB2832.3 N7Gro

What constitutes conduct unbecoming a teacher? Are the procedures for judging a teacher's competence equitable and fair? The author addresses these questions as he examines 260 case decisions in New York State in which tenured teachers have been charged with incompetence or conduct unbecoming a professional. He analyses what, in the deciders' opinions, constitutes incompetence and criticises the standards used in making these determinations. Teachers on Trial raises issues of nationwide importance, such as the meaning and measurement of good teaching, the conception of teachers as role models, the standards of conduct and performance to which teachers are held, and the objectives and purpose of education.

The Underside of History: a View of Women Through Time

Elise Boulding. Rev. ed.
Newbury Park: Sage Publications, 1992
HQ1121 Bou

The Underside of History was originally conceived to correct a massive injustice - the wholesale omission of recognition of the contributions to the histories of civilizations by one half of the human beings ever to have populated the earth. This title is made up of two volumes, the first on prehistory and the early civilizing roles of women, and the second moving from the first millennium to the current time.

Crisis Marketing: When Bad Things Happen to Good Companies

Joe Marconi.
Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 1993
HF5415 Mar

While examining the overall marketing plan and process, the discussion is focused specifically on an area identified as crisis marketing - the strategy and technique of carrying on a successful marketing program before, during, or after public or business sentiment has turned against you.

Malaysia's Economy in the Nineties


Edited by Jomo K. S.
Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1994
HC445.5 Mala

This book is a collection of essays by Malaysia's leading economists. It looks at Malaysia's economy as it enters the mid-1990s from various perspectives: the importance of trade to the open economy of Malaysia and how direct foreign investment, by bringing in capital, new technology and export market linkages, is regarded an important catalyst of growth and industrial development; agriculture; technology; recent developments in finance; manufacturing; the changing nature and fate of the public sector, focusing on the role of government and public enterprises; and the impact of privatisation. By focusing on these issues, this book provides a broad assessment of the major sectors of the Malaysian economy as they respond to the challenges of the 1990s and beyond.

Malaysia's Economic Success

Ataul Huq (Pramanik)
Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1994
HC445.5 Pra

Malaysia achieved impressive economic growth during the 1970s and 1980s, which has continued into the 1990s. The development process during those two decades, however, had been neither easy nor smooth; not easy because it inherited a host of growth-inhibiting problems from its colonial past. Unlike certain developing countries that concentrate purely on industrialization and capital acquisition, Malaysia's economic development proceeded hand in hand with human development. This book comprehensively examines the various structural and policy issues of the government during the New Economic Policy period, from 1970 to 1990.



Yang Baru Dalam Koleksi

1. International Bank for Reconstruction and Development
World Development Report 1994.
New York: Oxford University Press, 1994.
HC59.7 IBRD (Rujutama)
2. Roy Preece
Starting Research: an Introduction to Academic Research and Dissertation Writing.
London: Pinter Publishers, 1994.
LB2369 Pre (Rujutama)
3. James E. Mauch and Jack W. Birch
Guide to the Successful Thesis and Dissertation: a Handbook for Students and Faculty.
3rd. ed. revised and expanded.
New York: Marcel Dekker, Inc., 1993.
LB2369 Mau (P. Utama)
4. **The Portable MBA.**
Eliza G.C. Collins and Mary Anne Devanna (eds.)
New York: John Wiley & Sons, Inc., 1990.
HD31 Por (P. Utama)
5. James W. Pickens
The Art of Closing Any Deal: How to Be a "Master Closer" in Everything You Do.
Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 1991.
HF5438.25 Pic (P.Utama)
6. Hilmy Bakar Almascatay
Ummah Melayu: Kuasa Baru Dunia Abad Ke 21.
Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1994.
DS595.2 M2Hilba (P.Utama)
7. John Baer
Creativity and Divergent Thinking: A Task-Specific Approach.
Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, 1993.
BF408 Bae (P.Utama)
8. James B. Miller
The Corporate Coach.
Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 1993
HF5548.8 Mil (P.Utama)



Great Decisions	PVA202
Quality Calls	PVA302
Decisions, Decisions	PVA203.1
Mengapa Gugup	PVA204
Applause!	PVA204.1
Pengurusan Keusahawanan	PVA205
Team Player	PVA206
Ideas Into Action	PVA206.1
The Secret Life of 118 Green Street	PVS31
The Indestructable People	PVS31.1
Wuthering Heights	PVG122
The Private Life of Henry VIII	PVG123
The Gold Rush (Charlie Chaplin)	PVG124
Shirley Temple: The Baby Burlesques	PVG128



Koleksi Klasik Cakera Padat

- | | |
|---------------------------------|--------|
| J.S. Bach: Baroque Masterpieces | CCC030 |
| Ravel: Dramatic Masterpieces | CCC029 |
-
9. K. Jeyapalan dan Mustafa Mohd. Hanefah
Pengantar Pencukaian Malaysia.
Sintok: Universiti Utara Malaysia, 1993.
HJ2950.6 Jeyk (P.Utama)
 10. Lee Foong Mee
Banker-Customer Relationship.
Kuala Lumpur: Institut Bank-Bank Malaysia, 1993.
HG3300.6 A6Lee (P.Utama)
 11. Preschool and Early Childhood Treatment Directions.
Maribeth Gettinger, Stephen N. Elliott and Thomas R. Kratochwill (eds.)
Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, 1992.
LB1139.25 Pre (P.Utama)

**NGUMUMANPENGU
MUMANPENGUMUM
ANPENGUMUMANPE
NGUMUMANPENGU
MUMANPENGUMUM**

PERKHIDMATAN PEROLEHAN

Kepada semua pensyarah!

Perkhidmatan Perolehan di Perpustakaan meminta kerjasama tuan/puan untuk menyegerakan pesanan bahan-bahan keperluan kursus bagi sesi akademik 1995/1996. Pesanan perlu dihantar kepada kami secepat mungkin untuk memastikan bahan-bahan tersebut dapat diperolehi sebelum bermulanya sesi akan datang. Ini adalah kerana tempoh pembekalan yang memakan masa, kadang-kala sehingga melebihi 6 bulan.

Sila hubungi Puan Tan Siew Eng (Ketua, Bahagian Prosesan Teknik. Tel: 7593296) sekiranya tuan/puan memerlukan keterangan lanjut.

WAKTU PEMBUKAAN PERPUSTAKAAN SESI 1994 / 95

SEMESTER II (Bahagian I) 21/11/94 - 15/1/95

Isnin - Jumaat	8.00 pagi	-	10.30 malam
Sabtu dan Ahad	8.00 pagi	-	3.30 petang
Cuti Am			Tutup

SEMESTER II (Bahagian II) 16/1/95 - 1/4/95

Isnin - Ahad dan Cuti Am	}	8.00 pagi	-	10.30 malam
--------------------------------	---	-----------	---	-------------

CUTI PANJANG 2/4/95 - 2/7/95

Isnin - Jumaat	8.00 pagi	-	4.45 petang
Sabtu	8.00 pagi	-	12.30 tengahari
Ahad dan Cuti Am			Tutup



**Main Library
Contact Persons**

Reference and Information Services

Chan Sai Noi / Ruzita Ramly
Tel: 7567800

Circulation Services

Hashimah Hashim / Siti Khabshah Masrom
Tel: 7593357 / 3300

"Customer is the most important visitor to our premises. He is not an interruption on our work. He is the purpose of it. We are not doing him a favour by serving him. He is doing us a favour by giving us an opportunity to do so."

Mahatma Gandhi